





## GEMPA BUMI MYANMAR 28 MAC 2025: SEKILAS DATA



### MAKLUMAT KEJADIAN DAN KAWASAN TERJEJAS

- Satu gempa bumi **bermagnitud 7.7** telah melanda Myanmar dengan pusat gempa terletak **16 km di barat laut Sagaing, berhampiran Mandalay**. Gegaran ini turut dirasai di beberapa negara sekitar seperti Thailand, Bangladesh dan China. Selepas gempa utama, satu gempa susulan bermagnitud **6.4** berlaku **12 minit** kemudian.
- Sehingga 16:47 waktu tempatan 28 Mac 2025, media tempatan melaporkan bahawa kerajaan telah mengisytiharkan darurat di beberapa wilayah terjejas, iaitu **Sagaing, Mandalay, Magway, Bago, Negeri Shan Timur, dan Naypyidaw**.

### ANGGARAN MANGSA

- Sekurang-kurangnya **694 maut** dan **1,670 cedera** di rantau Mandalay, Myanmar setakat **28 Mac 2025**.
- Runtuhan bangunan di Bangkok, Thailand menyebabkan **6 maut** dan ramai masih terperangkap.
- United States Geological Survey (USGS) menganggarkan angka korban boleh mencecah **10,000 hingga 100,000 orang**.
- Anggaran jumlah penduduk yang terjejas akibat kejadian gempa bumi ini **18.3 Juta mangsa** dan **4.04 Juta keluarga**.
- Dianggarkan sebanyak **244 hospital** dan **517 sekolah** terjejas di seluruh Myanmar.

### ANGGARAN NILAI KEROSAKAN

- Anggaran nilai gantian bangunan dan infrastruktur yang terjejas di Myanmar adalah sebanyak **USD 173 Bilion**.

### TINDAKAN SEGERA DAN PERMINTAAN BANTUAN ANTARABANGSA

- Mesej amaran M1 telah dikeluarkan kepada sistem **United Nations Disaster Assessment and Coordination (UNDAC)**.
- International Search and Rescue Advisory Group (INSARAG)** telah dimaklumkan untuk bersedia bagi sebarang keperluan bantuan **Urban Search and Rescue (USAR)** dan **Pasukan Perubatan Kecemasan (EMT)**.
- Pasukan USAR, EMT dan antarabangsa diminta untuk mengemaskini status penghantaran mereka di platform **Virtual OSOCC**.
- Penyelaras Kemanusiaan dan Pemastautin Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Myanmar melaporkan bahawa Majlis Pentadbiran Negara telah meminta bantuan daripada sistem antarabangsa. Oleh itu, jaringan INSARAG telah diaktifkan untuk penghantaran bantuan.
- Dalam usaha memastikan kelancaran operasi, **United Nations Office for the Coordination of Humanitarian Affairs (OCHA)** akan **bekerjasama dengan pihak berkuasa Myanmar** untuk mempermudah proses visa atau pengecualian visa bagi pasukan bantuan yang tiba.

### OPERASI MENCARI & MENYELAMAT (SAR) DAN BANTUAN

- Malaysia menyambut baik dan sedang menyelaras untuk menghantar **Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART)** ke Myanmar.
- SMART akan berlepas ke Myanmar pada **30 Mac 2025** dengan menggunakan pesawat A400 Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dengan muatan sebanyak **33 tan**.
- Jumlah pegawai dan anggota SMART yang terlibat seramai **50 orang**.
- Peralatan yang dibawa ialah set **Base of Operations (BoO)**, peralatan mencari dan menyelamat, komunikasi, teknikal, perubatan dan **2 buah trak Man**.
- Objektif utama operasi SMART di Myanmar adalah untuk **menyelamat mangsa yang masih terperangkap**.
- Tempat operasi dan tempoh masa operasi SMART di Myanmar akan ditentukan oleh kerajaan Myanmar.
- Sebanyak 2 kali mesyuarat penyelarasan** telah dilakukan oleh NADMA untuk misi bantuan ini bersama agensi terlibat.
- Sumbangan Badan Bukan Kerajaan (NGO)** akan dikoordinasikan oleh **NADMA dan Wisma Putra** bergantung kepada maklum balas kerajaan Myanmar.
- Fokus NADMA** pada masa ini adalah **untuk operasi mencari dan menyelamat**.